Forum Kewangan Islam Global 2014 – "Memasuki Bab yang Seterusnya: Perubahan Transformatif untuk Mengukuhkan Hubungan Industri dengan Ekonomi Benar" Kuala Lumpur, 2 September 2014

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran anda pada Forum Kewangan Islam Global yang keempat ini. Dalam era baharu perubahan transformatif yang pesat di dunia ini, pertumbuhan dan evolusi kewangan Islam terus menjadi sebahagian penting dalam perubahan konfigurasi sistem kewangan global. Salah satu bahagian penting dalam perubahan yang sedang berlaku ini ialah pengantarabangsaan kewangan Islam yang semakin meluas yang menghasilkan aliran kewangan merentas sempadan yang lebih besar dan seterusnya memudahkan kesalinghubungan ekonomi antara negara yang lebih meluas dan pelbagai. Dengan peningkatan kadar pengantarabangsaan kewangan Islam, jumlah aset kewangan global industri kewangan Islam kini dianggarkan melebihi US$2 trilion. Pertumbuhan ini terus meningkat dengan jangkauan geografi merentas negara Islam hingga ke pusat kewangan antarabangsa yang lebih mapan serta ekonomi sedang pesat membangun lain. Oleh itu, kewangan Islam mempunyai peranan yang semakin penting dalam pengantaraan dana merentas sempadan dan mewujudkan kesalinghubungan kewangan dan ekonomi yang lebih kukuh di seluruh benua.

Khususnya, dimensi pasaran sukuk global yang semakin bersifat antarabangsa mengukuhkan lagi tawarannya sebagai platform yang berlainan untuk memupuk kesalinghubungan antarabangsa. Terbitan sukuk kerajaan pertama akan datang oleh pusat kewangan yang mapan dan pasaran sedang pesat membangun, serta komposisi pelabur sukuk merentas benua yang semakin pelbagai, dan juga trend terbitan sukuk pelbagai mata wang yang semakin meningkat, menyumbang secara kumulatif kepada pengukuhan kedinamikan sukuk sebagai produk global untuk aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Peningkatan trend terbitan sukuk dalam denominasi mata wang asing dalam pasaran sukuk domestik negara telah diperkukuh oleh asas pelabur yang semakin meluas seperti yang dicerminkan oleh penyertaan pelabur asing yang semakin meningkat dan pelbagai dalam terbitan tersebut.

Seiring dengan pertumbuhan pesat aliran kewangan merentas sempadan ini, lebih perhatian telah diberikan pada pembangunan rangka kerja kewangan antarabangsa yang berkaitan dengan kestabilan kewangan sistem kewangan Islam. Dengan penubuhan dua institusi antarabangsa yang penting, iaitu pertubuhan penetapan piawaian perakaunan, AAOIFI, dan badan penetapan piawaian kehematan, IFSB, usaha global yang bersepadu telah ditumpukan pada pelaksanaan secara progresif saranan yang terdapat dalam lapan asas utama yang dikenal pasti dalam Laporan Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global 2010. Khususnya, usaha yang diambil tertumpu pada penggunaan dan pelaksanaan piawaian kehematan serta pembangunan potensi bagi pengurusan mudah tunai yang berkesan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memelihara kestabilan kewangan. Peningkatan penggunaan piawaian kehematan yang dikeluarkan oleh IFSB adalah menggalakkan, dengan pelaksanaan oleh 13 pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan di seluruh dunia dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa banyak lagi piawaian akan diperkenalkan. Dengan mengambil

kira ciri-ciri kewangan Islam yang berlainan dan khusus, pelaksanaan piawaian ini dengan berkesan akan menyumbang kepada kekukuhan dan kestabilan institusi kewangan Islam yang berterusan.

Pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam antarabangsa juga telah diperkukuh dengan penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) pada tahun 2010 yang akan menyumbang ke arah memudahkan pengurusan mudah tunai dan aliran merentas sempadan yang cekap oleh institusi kewangan Islam. Di Malaysia, Sijil Mudharabah dalam denominasi ringgit yang akan diterbitkan tidak lama lagi untuk pengurusan mudah tunai oleh bank pusat ialah pengenalan instrumen perkongsian keuntungan yang baharu yang dijangka menyumbang kepada penambahan rangkaian instrumen dalam pasaran sekuriti jangka pendek kewangan Islam global. Dengan pulangan yang dikaitkan dengan prestasi aset sandaran dan boleh diniagakan dalam pasaran sekunder, instrumen ini dijangka menarik minat yang ketara daripada pelabur antarabangsa.

Pada Masa Hadapan: Perubahan Transformatif akan Berkembang Melangkaui Angka

Usaha yang diambil untuk mengukuhkan infrastruktur kewangan Islam global setakat ini telah menyediakan asas yang kukuh untuk pertumbuhan dan pengantarabangsaan industri yang disokong oleh keteguhan dan kestabilan. Meskipun pertumbuhan pesat kewangan Islam membuktikan daya tahan dan daya saingnya, namun cabaran yang kita hadapi juga adalah untuk meningkatkan keupayaannya bagi menyumbang kepada rangkuman dan pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang. Angka dan unjuran statistik merupakan penunjuk prestasi dan penanda aras yang penting untuk industri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan industri perlu melangkaui angka tersebut untuk mengekalkan momentum pertumbuhannya. Ini amat penting dalam persekitaran hari ini yang semakin meningkat dengan ketidakpastian global dan apabila pertimbangan yang mengutamakan kesalinghubungan kewangan dengan ekonomi, keadilan dan kesaksamaan, serta kemampanan dan rangkuman dianggap sebagai elemen penting dalam ekosistem kewangan moden. Oleh itu, kewangan Islam, dengan ciri-ciri yang sedia ada dan dimensi etikanya, berpotensi untuk memainkan peranan yang sangat besar sebagai ejen transformasi dalam ekonomi, khususnya untuk memenuhi keperluan ekonomi benar dan seluruh masyarakat. Yang penting ialah peranan pasaran kewangan Islam global untuk memudahkan hubungan yang lebih meluas dengan ekonomi benar dan rangkuman, dan seterusnya pertumbuhan yang seimbang.

Dalam peralihan kepada fasa pertumbuhan yang seterusnya, masih penting untuk industri perbankan Islam mengukuhkan pencapaian matlamat kewujudannya dalam pasaran global sebagai pengantara kewangan yang berkesan yang dapat memenuhi keperluan ekonomi benar dan mematuhi kehendak Syariah. Selain itu, bank-bank Islam berpotensi untuk meluaskan peranannya dengan merangkumi juga peranan sebagai pengantara pelaburan. Ini akan memerlukan pempelbagaian perniagaan perbankan untuk berkembang melangkaui pengantaraan kredit hingga pengantaraan pelaburan, yang membolehkan kaedah alternatif dalam kontrak perkongsian risiko diaplikasikan. Untuk memainkan peranan sebagai pengantara pelaburan, institusi perbankan Islam bukan sahaja mengukuhkan lagi hubungan kewangan dengan aktiviti ekonomi benar, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih inklusif dan lebih seimbang.

Dalam pasaran kewangan Islam di Malaysia, perubahan yang dikaitkan dengan pemodenan undang-undang memudahkan kematangan industri kewangan Islam, dengan penggubalan Akta baharu pada tahun 2013. Ini meliputi peruntukan baharu yang mengukuhkan peranan institusi kewangan Islam yang berpotensi sebagai pengantara pelaburan bagi pelaksanaan perkongsian risiko yang berkesan. Pengiktirafan undang-undang

terhadap akaun pelaburan membezakannya daripada deposit, dan seterusnya membuka laluan kepada institusi kewangan Islam untuk terus meneroka pelbagai kaedah pengendalian akaun pelaburan itu.

Bagi menggalakkan usaha ini, kemajuan teknologi perlu dimanfaatkan untuk membangunkan platform inovatif baharu yang dapat memudahkan pelaksanaan akaun pelaburan. Bermatlamat untuk membantu institusi kewangan Islam melaksanakan fungsi pengantaraan pelaburan ini dengan lebih berkesan, sebuah platform pelbagai bank kini sedang dibangunkan di Malaysia untuk menyalurkan dana dengan cekap dan berkesan daripada pelabur yang berpotensi dengan industri serta usaha niaga dalam ekonomi benar. Platform ini akan memudahkan penggemblengan dana yang cekap daripada sektor swasta, sama ada individu dan korporat, untuk membiayai industri dan usaha niaga sasaran yang memerlukan pendanaan. Platform ini juga akan mendorong kesalinghubungan antarabangsa memandangkan jangkauannya juga akan merangkumi penyertaan antarabangsa daripada institusi kewangan dan pelabur Islam asing, menerusi penawaran pilihan pembiayaan pelbagai mata wang untuk projek asing.

Potensi untuk bank-bank Islam meneroka bidang baharu ini secara berperingkat memerlukan sokongan industri untuk bersedia dari segi keupayaan bagi mempelbagaikan penawaran perniagaan itu. Sebagai persediaan menghadapi landskap perniagaan yang mempunyai tahap kompleksiti yang berbeza, pembangunan tenaga mahir dalam kewangan Islam perlu diberikan keutamaan yang lebih tinggi. Tenaga mahir yang sedia ada perlu dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyokong perkembangan dalam bidang pengkhususan yang meliputi pengantaraan pelaburan. Pengetahuan yang lebih mantap berhubung dengan tawaran nilai bagi instrumen pelaburan memerlukan pemahaman yang lebih mendalam tentang risiko yang dikaitkan dengan usaha niaga dalam bidang pertumbuhan masing-masing, termasuk pasaran bukan tradisional. Ini memerlukan penentuan daya maju bagi cadangan perniagaan dan pelaburan tersebut. Tambahan lagi, pada peringkat pengurusan, pengarah dan cendekiawan Syariah dalam institusi kewangan Islam perlu dilengkapi sewajarnya dengan pengetahuan yang diperlukan supaya mereka mempunyai pemahaman yang dapat mendorong perniagaan mengikut hala tuju baharu industri.

Bagi merealisasikan wawasan tenaga kerja yang amat kompeten dan berprestasi tinggi dalam sektor kewangan Islam, standard kualiti program pendididikan dalam kewangan Islam dan peningkatan tahap profesionalisme pengamal kewangan Islam juga adalah penting. Finance Accreditation Agency, iaitu badan jaminan kualiti dan akreditasi antarabangsa yang bebas untuk industri perkhidmatan kewangan, yang ditubuhkan di Malaysia pada tahun 2012, telah menaikkan taraf tenaga mahir dan ahli profesional kewangan Islam. Pengenalan *Finance Qualifications Structure* yang akan dilancarkan pada hari ini mempunyai kepentingan strategik kerana struktur ini bermatlamat untuk menghubungkan pelbagai kelayakan yang berkaitan dengan pengamal kewangan di bawah satu rangka kerja yang bersepadu yang akan membolehkan saling pengiktirafan yang lebih tinggi terhadap kelayakan, serta menyediakan laluan pembelajaran yang jelas dan sistematik untuk ahli profesional kewangan. Untuk melengkapi inisiatif ini, *Learning Standard* dilancarkan bagi memastikan pengisian pembelajaran seluruh industri perkhidmatan kewangan adalah lebih konsisten secara global, selaras dengan penanda aras industri antarabangsa.

Teknologi juga boleh digunakan untuk mengatasi halangan atau rintangan dalam usaha menggalakkan kesalinghubungan yang lebih tinggi dalam kewangan Islam yang bermatlamat untuk mewujudkan kesalinghubungan yang lebih kukuh dengan sektor benar. Sebagai pemangkin untuk meningkatkan akses kepada pasaran yang lebih baik dan jangkauan yang lebih luas, teknologi berpotensi untuk menyebar maklumat dengan lebih cekap, menggalakkan

pasaran yang lebih telus dan penentuan harga. Pada hari ini, pelancaran aplikasi digital untuk kewangan Islam merupakan platform perintis yang seterusnya bagi memudahkan perkongsian maklumat serta perbincangan dan interaksi yang lebih rapat, termasuk antara peserta industri yang merentas sempadan. Inovasi ini merupakan pencetus untuk meningkatkan kesedaran yang lebih meluas mengenai manfaat kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantaraan kewangan.

Merealisasikan Peluang Perniagaan Merentas Sempadan untuk Hubungan Yang Lebih Tinggi

Sempadan seterusnya bagi kewangan Islam memerlukan pasaran kewangan Islam global untuk mengembangkan model perniagaannya kepada sesuatu yang akan mengukuhkan pautan antara kewangan Islam dengan ekonomi benar. Ini merupakan pertimbangan penting dalam strategi kita, selaras dengan usaha untuk meningkatkan lagi pengantarabangsaan kewangan Islam yang secara kumulatif akan menyumbang ke arah pengukuhan hubungan ekonomi dan seterusnya meningkatkan kesalinghubungan ekonomi antarabangsa.

Bertemakan “Pasaran untuk Hubungan Global”, dengan lebih daripada 1000 peserta daripada pelbagai industri di seluruh dunia, Forum Kewangan Islam Global tahun ini memberikan peluang yang unik untuk peserta industri merealisasikan peluang perniagaan merentas sempadan untuk pertumbuhan. Kami berharap platform antarabangsa ini juga akan menyediakan peluang untuk perbincangan dan interaksi secara intelektual yang akan menjana pemikiran dan pengetahuan baharu apabila industri meneroka sempadan baharu.

Forum Dasar Global Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan 2014 'Memajukan Rangkuman Kewangan ke Tahap Seterusnya' Trinidad and Tobago, 10 September 2014

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana telah diundang untuk menyampaikan ucapan pada Forum Dasar Global bagi Persekutuan untuk Rangkuman Kewangan (Alliance of Financial Inclusion, AFI) tahun ini di Trinidad and Tobago yang cukup indah ini. Pertama sekali, bagi pihak Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kami kerana diberikan peluang untuk menjadi tuan rumah bagi ibu pejabat AFI. Malaysia sangat komited dalam usaha rangkuman kewangan dan akan menggembleng usaha dengan sepenuhnya dan sebaik mungkin untuk memberikan sokongan yang diperlukan bagi mencapai matlamat penubuhan AFI. Ini merupakan masa yang sangat tepat untuk memajukan agenda rangkuman kewangan global, lantaran kemajuan yang terus dicapai dalam pemulihan ekonomi dunia dan ketika lebih perhatian dan keutamaan diberikan pada usaha untuk mencapai rangkuman kewangan dan kemajuan ekonomi yang lebih inklusif.

Meskipun kestabilan dan pertumbuhan ekonomi dalam banyak negara di dunia telah kembali pulih, namun kita semua mengetahui bahawa pertumbuhan ekonomi, setinggi mana pun, akan mula menurun apabila wujudnya ketidaksamarataan dan jurang pendapatan semakin melebar. Selain itu, pengalaman menunjukkan bahawa krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi memburukkan lagi kitaran kemiskinan. Dianggarkan bahawa semasa berlakunya krisis kewangan, isi rumah miskin kehilangan pendapatan mereka lebih 10 kali berbanding dengan isi rumah biasa.

Lantaran itu, peranan rangkuman kewangan menjadi lebih besar sebagai satu cara untuk meningkatkan punca pendapatan dan memperkukuh daya tahan kewangan golongan yang kurang bernasib baik. Rangkuman kewangan memberi peluang menabung untuk masa depan, melabur untuk menjana pendapatan serta boleh menyediakan perlindungan insurans daripada kejadian yang tidak diingini. Oleh itu, kestabilan dan keadaan global yang bertambah baik memberi kita peluang untuk mempercepat agenda rangkuman kewangan sebagai kepentingan sejagat.

Tema forum tahun ini, 'Perkongsian Global, Matlamat Negara, Pemerkasaan Rakyat' menekankan bahawa rangkuman kewangan merupakan tanggungjawab bersama. Kemajuan penting yang dicapai dalam usaha meningkatkan rangkuman kewangan juga telah memberi kita peluang untuk mencapai kemajuan seterusnya, yang akan menyokong dan mempermudah kemampanan rangkuman kewangan pada skala yang lebih besar. Izinkan saya menyentuh lima bidang berpotensi yang saya percaya secara kumulatif akan menyumbang kepada kemajuan rangkuman kewangan ke tahap seterusnya, baik pada peringkat negara mahu pun antarabangsa.

Keutamaan 1: Fokus pada perkhidmatan kewangan yang berkaitan dan berkualiti

Beberapa kemajuan besar telah dicapai dalam usaha menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan. Dalam tempoh yang singkat selama tiga tahun, AFI telah memainkan peranan penting untuk mendapatkan komitmen daripada

negara anggotanya bagi memajukan dasar rangkuman kewangan, lantas membolehkan 20 juta orang yang tidak mempunyai akaun bank mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan. Namun, kita ingin mencapai lebih daripada sekadar akses kepada perkhidmatan kewangan. Ciri-ciri dan kualiti perkhidmatan kewangan serta bentuk penyertaan dalam sistem kewangan juga sama penting. Golongan miskin berdepan dengan keadaan yang mencabar seperti pendapatan yang rendah dan tidak tetap yang menyebabkan mereka sukar untuk membayar balik pinjaman setiap bulan, atau mereka yang tinggal dikawasan terpencil di luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada pusat perkhidmatan kewangan, atau waktu bekerja yang panjang menghalang mereka untuk pergi ke cawangan bank dalam waktu operasi biasa bank. Akibatnya, golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan ini barangkali telah disediakan dengan perkhidmatan tersebut, namun ia tidak seperti pada keadaan atau kualiti yang diperlukan, yang boleh benar-benar meningkatkan mobiliti ekonomi mereka.

Oleh yang demikian, akses kepada perkhidmatan kewangan perlu dilengkapkan dengan perkhidmatan kewangan yang berkualiti. Yang penting ialah inovasi dan reka bentuk produk pengguna yang mempunyai ciri yang dikaitkan dengan matlamat meningkatkan kebajikan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan ini. Terdapat keperluan yang lebih besar untuk mewujudkan ciri yang responsif terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan tersebut. Pembiayaan mikro yang fleksibel bagi sektor pertanian, sebagai contoh, menangani masalah ketidakpadanan aliran tunai antara pembayaran balik secara tetap kepada bank dengan aliran pendapatan petani yang tidak tetap kerana hasil tanaman yang bermusim. Inovasi selanjutnya juga melibatkan pembentukan platform untuk memadankan tabungan dengan keperluan pembiayaan golongan ini. Di Malaysia, pengenalan akaun pelaburan berbanding dengan akaun deposit dalam sistem kewangan Islam merupakan contoh pemadanan tabungan dengan pembiayaan yang diperlukan oleh perusahaan kecil dan sederhana untuk membiayai projek tertentu - lantas membentuk institusi perbankan yang berfungsi sebagai pengantara pelaburan.

Selain inovasi, teknologi juga merupakan ejen untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan yang berkualiti. Teknologi boleh mengurangkan kos, memperluas jangkauan dan menambah kepelbagaian perkhidmatan kewangan. Sebagai contoh, perkhidmatan pembayaran mudah alih oleh negara Kenya, iaitu M-PESA, memanfaatkan teknologi mudah alih dengan menyediakan perkhidmatan kewangan yang kerap, urus niaga bernilai kecil dan kos yang berpatutan kepada golongan miskin.

Keutamaan 2: Memanfaatkan Perjanjian Sasana untuk matlamat yang boleh diukur

Bidang kedua berkaitan dengan pengenalpastian dan penggunaan sasaran yang boleh diukur dan dalam jangka masa seperti terkandung dalam Perjanjian Sasana. Hasil yang jelas dan boleh diukur ini memberikan satu pemahaman yang sama yang akan membawa pihak berkepentingan yang berbeza ke arah satu matlamat yang sama bagi menyampaikan hasil yang baik kepada segmen masyarakat yang tidak mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan.

Aspek utama bagi mencapai matlamat Perjanjian Sasana ialah mengumpulkan dan menyusun data yang berkaitan dengan cara yang wajar dan tepat pada masanya. Ini juga akan membentuk asas perumusan dasar yang lebih baik dan pemantauan yang berkesan serta penilaian dasar yang efektif. Liputan data perlu merangkumi penggemblengan tabungan dan aktiviti pembiayaan, termasuk maklumat mengenai profil peserta baharu dalam sistem kewangan formal. Ini bukan sahaja untuk menggalakkan penyertaan yang berkesan dalam sistem kewangan bahkan untuk mengelakkan keadaan terlebih berhutang dan paras hutang yang keterlaluan. Akses kepada maklumat kredit untuk penyedia perkhidmatan kewangan juga akan menyokong penawaran perkhidmatan tersebut secara berterusan. Statistik kewangan tersebut juga

perlu berkembang seiring dengan perubahan persekitaran, termasuk yang berkaitan dengan rangkaian produk dan perkhidmatan, saluran pengedaran dan prestasi peminjam dan pembiaya secara relatif. Ini akan membolehkan pengesanan awal risiko dan ancaman, lantas membolehkan tindak balas dasar segera diambil untuk memastikan pengantaraan kewangan yang mampan bagi sektor yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Keutamaan 3: Memperkukuh peranan pengawalan dan penyeliaan

Bidang ketiga berkaitan dengan peranan pengawalan dan penyeliaan dalam rangkuman kewangan. Kini, terdapat kesepakatan yang semakin meningkat bahawa matlamat dasar kestabilan kewangan, integriti kewangan, perlindungan pengguna dan rangkuman kewangan saling memperlengkap dan memperkukuh. Kini, timbul pemikiran semula mengenai pengawalan kehematan dan amalan berhemat yang mencerminkan pendekatan yang lebih seimbang. Pengesahan oleh badan penetap piawaian global, termasuk Jawatankuasa Basel bagi Penyeliaan Perbankan, Persatuan Insurans bagi Penyelia Insurans, dan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan, bahawa pengawalan yang dibuat perlu sejajar dengan risiko, manfaat dan kos. Ini merupakan langkah penting ke arah menambah baik keadaan pengawalan dan penyeliaan yang selaras dengan keadaan untuk rangkuman kewangan.

Meskipun prinsip perkadaran (proportionality principles) digunakan dengan meluas, namun bagaimana prinsip tersebut boleh diaplikasikan dalam amalan untuk mencerminkan risiko berkaitan dengan isi rumah berpendapatan rendah dan perniagaan kecil, masih kurang jelas. Isu-isu praktikal boleh menjadi cabaran terutamanya dalam konteks bank-bank yang menawarkan perkhidmatan sepenuhnya. Piawaian pemberian pinjaman dan peruntukan, keperluan pelaporan, kecukupan modal minimum dan keperluan usaha wajar ke atas pelanggan adalah antara bidang utama yang masih belum mempunyai perbezaan yang jelas secara formal untuk menangani kesan pengawalan tersebut terhadap akses kepada perkhidmatan kewangan bagi isi rumah berpendapatan rendah dan peminjam kecil.

Oleh itu, badan penetap piawaian global memainkan peranan penting dalam usaha mempercepat proses untuk menjadikan prinsip perkadaran sebagai amalan. Ini juga akan menjadi penting dalam penilaian sistem kewangan negara dan cara ia diukur mengikut piawaian global, contohnya seperti di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Support Assessment Programme, FSAP). Oleh itu, terdapat manfaat yang nyata yang akan diperoleh daripada penyediaan panduan kepada pihak berkuasa tentang bagaimana kesan pengawalan tersebut ke atas akses perkhidmatan kewangan boleh dinilai. Pertimbangan tersebut juga boleh ditunjukkan melalui metodologi yang diterima pakai oleh badan antarabangsa untuk penilaian sektor kewangan dan penilaian semula sesama rakan sejawat.

Kapasiti dan keupayaan pihak berkuasa untuk menyelia aktiviti pengawasan kewangan yang menyasarkan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan tidak kurang pentingnya. Pengalaman kita menunjukkan bahawa set kemahiran penyeliaan yang diperlukan untuk menilai keberkesanan kawalan terhadap operasi pembiayaan mikro dan insurans mikro nyata berbeza daripada cara yang lazim digunakan sejak dahulu lagi oleh bank dan pengendali insurans bagi portfolio runcit mereka. Pemahaman yang lebih mendalam mengenai implikasi reka bentuk produk, hubungan antara penyedia perkhidmatan kewangan dengan pelanggan, serta motivasi berlainan yang mendorong tingkah laku pengguna adalah penting. Ini bagi mengelakkan tindakan penyeliaan yang tidak produktif terhadap akses kewangan.

Keutamaan 4: Pemerkasaan pengguna melalui perlindungan dan pendidikan

Bidang keempat berkaitan dengan usaha meningkatkan pemerkasaan pengguna melalui perlindungan dan pendidikan. Industri perkhidmatan kewangan dan pengguna

kewangan masing-masing memainkan peranan penting dalam peralihan rangkuman kewangan ke tahap yang lebih tinggi. Rangkuman kewangan yang terbaik akan dapat dicapai apabila pengguna dijamin dengan layanan yang adil. Penyedia perkhidmatan perlu menitikberatkan amalan profesional dan etika apabila membangunkan produk kewangan. Dalam hal ini, peranan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan penyedia perkhidmatan kewangan tersebut perlu menentukan budaya, dasar dan sistem insentif yang betul untuk menyokong amalan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab. Dasar yang menggalakkan amalan pasaran yang bertanggungjawab yang diperkukuh oleh keperluan penzahiran yang telus adalah penting dalam memajukan rangkuman kewangan yang bertanggungjawab.

Satu aspek utama kejayaan agenda rangkuman kewangan juga adalah dalam usaha membina keupayaan kewangan pengguna agar mereka boleh memainkan peranan yang bermakna dalam sistem kewangan. Pendidikan kewangan, seperti juga bentuk pendidikan yang lain, merupakan ejen pemerkasaan yang sangat berpengaruh. Ia memperkasakan pengguna dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan instrumen untuk membina, mengurus dan melindungi kekayaan peribadi mereka. Di Malaysia, usaha secara sistematik untuk membina keupayaan kewangan dalam kalangan penduduk bermula sejak hampir dua puluh tahun yang lalu, iaitu pada tahun 1996, apabila Kempen Promosi Simpanan Nasional dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menabung, termasuk dalam kalangan murid sekolah. Sejak itu, program pendidikan kewangan pengguna yang lebih holistik dan komprehensif bagi kanak-kanak dan orang dewasa telah dilaksanakan bagi penyertaan yang lebih berkesan dalam sistem kewangan.

Keutamaan 5: Meningkatkan kerjasama dan perkongsian

Bidang kelima berkaitan dengan perkara yang diketengahkan oleh tema Forum ini, iaitu perlunya kerjasama lebih erat dan perkongsian yang inovatif. Matlamat untuk mencapai rangkuman kewangan yang memberikan impak sebenar dan positif kepada golongan miskin merupakan tanggungjawab bersama. Halangan kepada rangkuman kewangan hanya boleh diatasi apabila pihak berkepentingan yang berbeza, masing-masing mempunyai bidang kuasa dan pengawasan yang berbeza, dapat bekerjasama secara terselaras dan bersepadu. Ini memerlukan usaha bersama yang membabitkan kerajaan, pengawal selia, ejen pasaran, industri kewangan dan pengguna.

Pada peringkat negara, kerjasama antara agensi yang lebih baik adalah penting bagi memastikan strategi masing-masing diselaraskan untuk mencapai matlamat rangkuman kewangan yang sama. Ini mungkin memerlukan pengaturan institusi yang akan menghimpunkan semua pihak berkuasa untuk mendapatkan komitmen bersama ke arah matlamat rangkuman kewangan yang jelas takrifannya dan boleh diukur, dengan skop tanggungjawab yang jelas. Brazil, Mexico, Tanzania, Indonesia dan Fiji juga telah mewujudkan rangka kerja penyelarasan negara, yang menawarkan pelbagai contoh kerjasama antara negara tersebut kepada anggota AFI.

Sementara kita memberikan tumpuan pada inisiatif rangkuman kewangan pada peringkat negara, sama pentingnya ialah perhatian yang sewajarnya diberikan pada peringkat global. Dalam hal ini, AFI memainkan peranan yang tersendiri kerana ia merupakan satu-satunya rangkaian global yang terdiri daripada para penggubal dasar yang juga pengamal rangkuman kewangan. Oleh itu, AFI memainkan peranan penting untuk menerajui usaha pengumpulan contoh amalan terbaik berdasarkan pengalaman negara tertentu dalam bidang rangkuman kewangan serta kaitannya dengan kestabilan kewangan dan matlamat perlindungan pengguna. Dengan itu, AFI juga merupakan platform utama yang mempertemukan para penggubal dasar, penyedia perkhidmatan kewangan serta industri telekomunikasi dan teknologi untuk mempunyai kesedaran yang lebih tinggi mengenai trend yang boleh menyokong kemajuan rangkuman kewangan. Selain itu, interaksi dan penglibatan AFI dengan

pertubuhan antarabangsa juga penting memandangkan inisiatif mereka mempunyai implikasi terhadap rangkuman kewangan.

Kesimpulan

Izinkan saya merumuskan ucapan saya ini. Kini, lebih banyak pihak yang memahami bahawa tahap dan kualiti rangkuman kewangan memberikan impak yang besar terhadap prospek pertumbuhan yang seimbang dan mampan. AFI telah memainkan peranan pentingnya dalam usaha merintis jalan bagi rangkuman kewangan yang lebih meluas dalam ekonomi dunia. AFI adalah unik kerana keanggotaannya meliputi para pengamal daripada ekonomi sedang membangun dan ekonomi sedang pesat membangun, yang boleh berkongsi pendekatan untuk disesuaikan dengan keadaan negara masing-masing yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Kita mulakan forum dasar global selama dua hari ini berbekalkan visi yang jelas, yang tertumpu pada matlamat jangka panjang untuk akses sejagat hinggalah kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti, yang akan membuka peluang perubahan kepada komuniti kita. Forum Global ini dan AFI menyediakan peluang yang amat besar untuk memanfaatkan strategi, ilmu pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik daripada seluruh anggota AFI. Ini memberi kita potensi sebenar untuk membuat perubahan dalam rangkuman kewangan dan ekonomi, dan seterusnya potensi untuk mengubah kehidupan.

Majlis Pelancaran Rasmi Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan Kuala Lumpur, 24 September 2014

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran para hadirin sekalian pada majlis pelancaran rasmi Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan.

Antara cabaran utama yang muncul daripada krisis kewangan global serta beberapa peristiwa manipulasi pasaran kewangan baru-baru ini ialah keperluan untuk membina budaya profesionalisme, integriti dan etika kukuh yang merangkumi seluruh industri perkhidmatan kewangan. Ini bagi memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan dan memastikan kemampanan industri dalam jangka panjang.

Krisis kewangan tahun 2008 menunjukkan bagaimana keputusan perniagaan yang dibuat terutamanya atas dorongan insentif jangka pendek boleh menjejaskan dengan teruk kedudukan beberapa buah syarikat global yang terbesar, lantas memberikan kesan yang buruk terhadap keseluruhan ekonomi. Keyakinan orang ramai dalam industri perkhidmatan kewangan bukan sahaja makin rapuh, malah model perniagaan sedia ada bagi institusi kewangan telah dipersoal apabila terdapat saranan supaya dilaksanakan perubahan yang lebih sejajar dengan kemampanan jangka panjang. Perubahan ini membabitkan struktur am dan aktiviti institusi kewangan, serta tadbir urus dan budaya dalam institusi berkenaan.

Meskipun institusi kewangan perlu mencipta nilai untuk pemegang saham, namun keperluan untuk memenuhi kepentingan orang ramai juga amat penting, memandangkan sistem kewangan yang berfungsi dengan baik adalah penting dalam ekonomi. Di samping itu, dalam ekonomi global yang amat saling berhubung serta kesalinghubungan kewangan antarabangsa yang lebih meluas, kemelut dan tekanan kewangan dalam sistem kewangan sesebuah negara akan memberikan kesan merentas sempadan. Memandangkan ini melibatkan kos yang besar, kini penelitian semakin diberikan terhadap nilai, norma profesional, piawaian pendidikan dan insentif yang mendorong dan membentuk tingkah laku institusi kewangan. Penelitian ini khususnya adalah untuk memperteguh tanggungjawab institusi kewangan terhadap masyarakat keseluruhannya.

Oleh itu, pembentukan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board, FSPB) merupakan peristiwa penting dalam langkah mencapai piawaian tingkah laku profesional yang tertinggi, yang mencakupi urusan perniagaan yang adil dan etika dalam industri perkhidmatan kewangan dan konsisten dengan pertumbuhan jangka panjang, kestabilan dan integriti sistem kewangan.

Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan ini dijangka bertindak sebagai sebuah lembaga bebas yang didorong industri dan yang bakal memacu pembangunan serta menyokong piawaian profesional, etika dan kemajuan profesional yang berterusan merentas industri perkhidmatan kewangan. Tunggak matlamat ini ialah pembangunan budaya dalam industri perkhidmatan kewangan yang memberikan komitmen padu kepada profesionalisme dan etika.

Untuk memajukan usaha ini, FSPB akan menggalakkan, menyokong dan memudahkan

pengenalpastian, pembangunan dan penerapan piawaian profesional dan etika merentas semua sektor industri perkhidmatan kewangan. Tujuan utama piawaian itu adalah untuk mentakrifkan dengan jelas tahap prestasi dan tingkah laku beretika yang perlu dicapai oleh para profesional perkhidmatan kewangan apabila memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Piawaian itu khususnya perlu jelas mengenai nilai yang perlu bagi industri dan tenaga kerjanya. Ini akan membantu pengamal perkhidmatan kewangan memahami dan memenuhi kewajipan profesional mereka dengan lebih bersungguh-sungguh, dan bertanggungjawab atas kemajuan profesional masing-masing secara berterusan.

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia percaya bahawa dengan kedudukan dan aspek globalnya, FSPB benar-benar berupaya menerajui usaha bagi mempertingkat piawaian profesional dan etika termasuk pembangunan profesional secara berterusan merentas industri perkhidmatan kewangan, sekali gus memperkukuh keyakinan dalam industri dan mengesahkan komitmen industri untuk memberikan khidmat terbaik bagi kepentingan awam.

FSBP yang dianggotai pakar terkemuka dan pengamal kewangan dari United Kingdom, Eropah, Australia dan Asia akan dapat memberikan perspektif global yang berharga, yang akan mempertingkat kesesuaian piawaian yang dibangunkan oleh FSPB dan penerapan sejagat piawaian tersebut. Penubuhan FSPB turut mencerminkan kemajuan dan perkembangan industri perkhidmatan kewangan di Malaysia dan wawasan ahlinya untuk menganjurkan dan menggalakkan piawaian profesionalisme, pembangunan modal insan dan tingkah laku beretika yang diterima dan diterapkan pada peringkat global, dan akan memberikan kejelasan yang diperlukan oleh orang ramai dan industri tentang apa yang diharapkan daripada pengamal perkhidmatan kewangan.

Sememangnya, penekanan terhadap pembangunan modal insan pada masa hadapan yang merangkumi peningkatan tahap profesionalisme dan tingkah laku beretika profesional perkhidmatan kewangan menjadi matlamat utama. Hari ini, profesionalisme, etika dan kualiti modal insan telah menjadi pemacu dan penggerak utama perubahan dalam industri perkhidmatan kewangan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance, AIF). Idea bagi pembentukan FSPB bercambah daripada interaksi yang dimulakan oleh AIF dengan industri, yang kemudiannya disusuli oleh proses membangunkan rangka kerja konseptual untuk mencerminkan aspirasi yang dikongsi bersama oleh industri dan Lembaga AIF yang menyokong penubuhan FSPB.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menekankan peranan serta sama (participative) yang perlu dimainkan oleh industri perkhidmatan kewangan untuk membolehkan FSPB mencapai matlamatnya. Nilai penubuhan FSPB bergantung pada peranan yang dimainkan untuk membangunkan piawaian profesional dan etika yang relevan dan praktikal, yang seterusnya boleh diterima dan diterapkan oleh industri perkhidmatan kewangan global sebagai piawaian emas.

Dengan itu, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga FSPB bersempena dengan pelancaran ini. Dengan mengetengahkan inisiatif penting ini, FSPB wajar mencerminkan keperluan perniagaan industri perkhidmatan kewangan dan pada masa yang sama mengimbangi kepentingan masyarakat yang menjadi khalayak industri. Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan terus memberikan komitmen dalam usaha menyokong agenda penting industri perkhidmatan kewangan ini.